

02/09/1997

Perbuatan negatif cemar sambutan Merdeka

KUALA LUMPUR: Kelmarin negara dan rakyat menyambut Hari Kemerdekaan ke-40 dengan penuh gilang gemilang.

Dataran Merdeka dan Jalan Sultan Abdul Samad menjadi tumpuan berpuluh ribu masyarakat warga kota untuk mengikuti detik 12 tengah malam.

Percikan bunga api, kibaran Jalur Gemilang dan kehadiran tetamu istimewa, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tambah menyerikan sambutan di Dataran Merdeka.

Dr Mahathir yang kelihatan gembira dengan sambutan kemerdekaan 40 tahun itu meminta rakyat terutama generasi muda membulat tekad dan menyediakan pelan bagi menghadapi alaf baru abad ke-21 terutama menuju matlamat Wawasan 2020.

Namun, ketika orang ramai bergembira menyambut kemerdekaan, pihak yang lain terus dengan sikap zaman jahiliyah dan keras kepala.

Perlakuan itu tidak langsung menggambarkan mereka berfikiran matang, sesuai dengan usia 40 tahun negara.

Detik 12 tengah malam buka ditunggu untuk mengucapkan kesyukuran dan rahmat kepada Allah tetapi bagi segelintir anak muda, ia masa untuk membuat kacau dan berlumba haram, kononnya satu cara bagi menyambut hari paling bersejarah itu.

Perbuatan negatif itu seolah-olah mereka masih dibelenggu penjajahan.

Mereka sanggup membahayakan diri sendiri dan orang lain padahal sebagai masyarakat bertamaddun, mereka perlu mengamalkan disiplin. Di mana harga diri dan kelembutan sebagai masyarakat Timur?

Walaupun kita berbangga menjadi rakyat Malaysia yang hidup dalam suasana harmoni dan mahu menjadi negara maju menjelang alaf baru abad ke-21, sekelompok kecil generasi muda masih dangkal fikiran sebaliknya penuh dengan falsafah kolot penjajahan.

Jika begini anak muda yang kita harapkan untuk menjadi pemimpin pelapis menerajui negara pada masa depan seperti idaman Dr Mahathir Mohamad, nyata harapan itu masih jauh.

Kita tidak pernah menghalang masyarakat bergembira sempena menyambut kemerdekaan tetapi biarlah dengan cara yang bermanfaat.

Bersuka ria dengan menunggang motosikal secara berbahaya bukan sekadar membahayakan diri sendiri tetapi juga orang lain.

Beberapa nahas termasuk kemalangan maut yang membabitkan penunggang motosikal yang menyertai lumba haram sebelum ini tidak langsung menakutkan sebaliknya mereka terus ghairah melakukan perbuatan berbahaya itu.

Walaupun polis mengadakan pasukan khas dan meningkatkan jumlah anggota bagi membanteras kegiatan lumba haram sempena Hari Kemerdekaan, ia masih berlaku di beberapa jalan raya di seluruh negara terutama di bandar besar.

Akibatnya, beberapa kemalangan dilaporkan berlaku pada malam kemerdekaan membabitkan pelumba haram padahal ketika itu mereka sepatutnya menadah tangan pada Ilahi kerana memberikan kenikmatan dan keamanan kepada negara ini.

Sepatutnya mereka mengisi kemerdekaan dengan perkara berfaedah, memandangkan bangsa Melayu masih tertinggal jauh berbanding bukan Melayu. Melihat kepada fenomena lumba haram yang banyak berlaku di negara ini, masyarakat sepatutnya menyokong sebarang langkah pihak berkuasa yang mahu mengenakan tindakan tegas terhadap mereka yang terbabit dalam perbuatan tidak bertanggung jawab itu.

Ketua Polis Trafik dan Ketenterama Awam Selangor, Superintendan Zainal

Abidin Rawi, berkata bagi membanteras kegiatan lumba haram, pihaknya akan mencatatkan perkataan 'Lumba Haram' pada kompaun pesalah yang ditahan kerana terbabit dalam perbuatan itu.

Katanya, usaha itu memudahkan pihak berkuasa mengesan pelumba haram yang mungkin ditahan kerana melakukan kesalahan kedua selain mengenakan hukuman lebih berat.

Bagi sesetengah ahli psikologi dan agama, mereka menyifatkan pelumba haram sebagai manusia yang rosak akhlak dan sakit jiwa.

Islam sendiri melarang sebarang perbuatan yang membahayaka nyawa, harta benda dan masyarakat.

Dalam surah al-Nisa, ayat ketiga, Allah berfirman, maksudnya: "Dan sesiapa berbuat demikian dengan melanggar hak dan aniaya, kelak Kami masukkan mereka dalam neraka. Yang demikian itu adalah mudah bagi Allah".

Perbuatan "membunuh diri" melalui lumba haram itu memberi kesan besar kepada negara. Menurut Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), negara kerugian kira-kira RM20 juta akibat kemalangan jalan raya pada 1992 manakala kos membaik pulihnya memerlukan belanja yang besar.

Malah, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata negara akan kehilangan kira-kira 200,000 pekerja dalam tempoh 10 tahun akan datang jika kadar kemalangan membabitkan penunggang motosikal tidak dikawal sepenuhnya.

(END)